

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 7.10.2014 (SELASA)

DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan benarkah projek pengurusan subsidi petrol dibuat secara rundingan terus dengan syarikat Fuelsubs Sdn Bhd dan jika benar, mengapakah tiada tender terbuka dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tuan Yang Dipertua, projek pengurusan subsidi petrol tidak pernah dibuat secara rundingan dengan mana-mana syarikat. Sebagai makluman ahli dewan yang mulia ini, kerajaan dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan negara telah mengenal pasti beberapa langkah untuk dilaksanakan. Antara langkah tersebut adalah untuk merasionalisasikan subsidi petrol dan diesel.

Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji pelaksanaan subsidi petrol dan diesel bagi memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan kerajaan dapat terus menikmati subsidi petrol dan diesel.